

ISTIRATIJIYYAT TA'LIM AL-MUFRADAT (Strategies of Teaching Vocabulary). Oleh Maher Sya'ban Abd al-Bari. Dar al-Masirah, Amman. 2011. Halaman 360. ISBN: 978-995-7068-110

Buku ini merupakan salah sebuah karya ilmiah Maher Sya'ban Abd al-Bari. Buku ini diterbitkan pada tahun 2011 oleh Dar al-Masirah, Amman, Jordan. Buku ini secara umumnya membicarakan kepentingan dan keutamaan menguasai perbendaharaan kata dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa khususnya Bahasa Arab. Tema dan pola pemikiran penulis terarah kepada satu usaha memperkasa pemerolehan perbendaharaan kata menerusi strategi-strategi yang berkesan. Maher Sya'ban Abd al-Bari merupakan anak kelahiran Mesir. Beliau dilahirkan pada tanggal 5 Februari 1972 di provinsi al-Qalyubiyah yang terletak di utara Kaherah. Mendapat pendidikan peringkat ijazah sarjana muda pada 1994 dari Universiti Zaqaziq dalam bidang sastera dan pendidikan. Kemudiannya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang pendidikan di universiti yang sama pada tahun 2003. Beliau seterusnya memperoleh ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang pendidikan dari Universiti Zaqaziq diselia oleh tokoh bahasa ulung Profesor Dr. Mahmud Kamel Naqah.

Perbendaharaan kata merupakan bongkah bata asas bagi sesuatu bahasa. Perbendaharaan kata membolehkan penuturnya berhubung dengan masyarakat sekeliling seterusnya membentuk satu sistem interaksi yang vibran. Komunikasi pasti tidak akan wujud tanpa perbendaharaan kata dan pemerolehan kata yang terhad bakal memendekkan tempoh perbualan dan keseronokannya. Kenyataan ini memberikan isyarat jelas tentang kedudukan perbendaharaan kata dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa. Perbendaharaan kata merupakan komponen penting yang perlu diberi penekanan dalam PdP bahasa dan ia seharusnya berterusan. Dalam konteks pembelajaran bahasa, aspek ini perlu didedahkan secara berterusan di pelbagai peringkat dengan tingkatan dan strategi yang berbeza.

Namun, senarionya jelas berbeza. Penekanan pada aspek perbendaharaan kata dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab dilihat berhadapan dengan pengabaian. Pengabaian yang dimaksudkan merujuk kepada tahap penumpuan yang rendah kepada aspek ini dalam pelbagai dimensi termasuk pengajaran, pembelajaran dan pengujian. Justeru, amat sukar untuk kita temui matapelajaran khusus berkaitan perbendaharaan kata ditawarkan dimana-mana peringkat. Penulis membawa aspirasi penekanan pada perbendaharaan kata dalam karya beliau ini. Buku ini mengandungi lima bab iaitu i. Sifat Semulajadi Perbendaharaan Kata ii. Fonologi dan Prosedur Pengajarannya, iii.. Kepekaan Fonologi dan Perancangan Pengajarannya, iv. Pengenalan Kata dan Prosedur Pengajarannya dan v. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Perbendaharaan Kata.

Buku ini membuka dimensi baharu dalam penumpuan kepada aspek kata. Ia cuba merungkai permasalahan yang sering timbul berkaitan pembelajaran perbendaharaan kata. Pemilihan kata dalam pembelajaran perlu berpaksi kepada beberapa standard antaranya perkataan itu mesti bermanfaat, berkait pengalaman pelajar, berfrekuensi tinggi, kebiasaan dalam penggunaan, keterkaitan kata dan boleh diajar. Selain dari itu, dimensi tumpuan juga perlu dilihat kepada bagaimana stok perkataan asas individu yang dikenali sebagai leksikon itu dibangunkan. Dimensi tumpuan ini memberi penekanan kepada bagaimana perkataan yang tersedia dalam

minda pelajar mampu dihubungkan dengan perkataan-perkataan baharu bagi memperluas leksikon mereka.

Aspek lain yang perlu diberikan perhatian adalah variasi penggunaan. Variasi penggunaan kata sangat berkait rapat dengan konteks dan kebiasaan dalam penggunaan. Pelajar perlu dibekalkan dengan contoh yang banyak agar proses pembelajaran kata dapat dimaksimumkan sekaligus menjadikan kata-kata tersebut aktif dalam minda mereka. Kepekaan Fonologi merupakan satu lagi dimensi penumpuan yang disaran penulis. Bunyi-bunyi yang dihasilkan oleh penutur bukanlah makna sifar. Ia membawa maksud dan mempengaruhi makna. Ia berkait dengan meta linguistik, berhubung antara bunyi dengan bunyi yang lain dan mempunyai nilai semantik. Dimensi penumpuan perlu berpaksikan jumlah perkataan yang perlu dipelajari. Perbendaharaan kata perlu diperkenalkan kepada pelajar sebanyak mungkin kerana ia merupakan jendela kefahaman. Strategi perlu didedahkan kepada pelajar agar proses pemerolehan kata boleh berlaku secara berterusan dengan penumpuan diberikan kepada mereka secara eksplisit dalam kelas-kelas pembelajaran.

Penulis memulakan perbincangan awalnya dengan menjelaskan tabiat semulajadi perkataan. Dalam bab ini, penulis memusatkan perbincangannya kepada peranan bahasa lisan dalam pemerolehan dan pembelajaran kata. Bahasa dalam konteks ini dikategorikan sebagai salah satu fenomena kemanusiaan. Ia berkembang dengan perkembangan manusia dan masyarakat. Fenomena kemanusiaan ini perlu dilihat dari beberapa aspek antaranya aspek linguistik, fizik, fisiologi, sosiologi, psikologi dan falsafah. Bahasa juga merupakan fenomena kemasyarakatan. Ia boleh berubah, berkembang dan berevolusi dipengaruhi tuntutan masyarakat. Manusia menggunakan bahasa untuk menyampaikan hasrat dan keinginan mereka. Bahasa ini dikawal selia oleh masyarakat secara kolektif dari sebarang perubahan berbentuk negatif. Perubahan positif dan perkembangan kepada beberapa aspek bahasa pula ditentukan oleh masyarakat serta dipengaruhi faktor tempat dan masa. Bahasa manusia turut dipengaruhi oleh faktor masyarakat dan persekitaran.

Pembelajaran dan pemerolehan kata perlu dilakukan secara berterusan kerana beberapa kepentingan. Antara kepentingan pembelajaran kata yang perlu diberikan perhatian adalah prinsip tiada bahasa tanpa perbendaharaan kata. Prinsip ini perlu dihayati secara mendalam dan ia seharusnya memberi refleksi kepada proses pemerolehannya. Perbendaharaan kata merupakan satu mekanisme penyampaian. Perkataan digunakan untuk mengungkap hasrat dan memahami individu di sekelilingnya. Perbendaharaan kata juga adalah alat untuk memahami kehendak individu lain menerusi satu situasi komunikasi yang responsif. Penguasaan perbendaharaan kata pada peringkat perluasannya membangun minda dan gaya pemikiran penutur secara multi-dimensi. Setiap satu kata berupaya membawa makna yang pelbagai (semantik) . Ia turut menjadi asas dalam pembangunan kata-kata lain (morfologi) dan pusat yang menghubungkan beberapa kata serta makna dengannya (sinonim).

Satu lagi perkara penting yang dibicarakan oleh penulis dalam bab ini adalah sumber pembangunan kata. Perbendaharaan kata adalah matawang. Matawang ini memiliki nilai yang menentukan had dan kemampuan membelanja. Semakin besar matawang yang dimiliki, semakin besar kemampuan seseorang untuk membelanja dan melabur. Pelbagai sumber boleh

dimanfaatkan dalam pembangunan perbendaharaan kata, namun penulis menekankan tiga sumber paling efektif iaitu sosialisasi, aktiviti pembacaan dan kamus. Bahasa adalah komunikasi. Ia digunakan untuk interaksi dengan masyarakat sekeliling, maka aspek sosiologi perlu diberikan perhatian wajar. Seseorang bayi dilahirkan tanpa sebarang perkataan. Interaksi sosial yang berlaku di sekelilingnya merupakan sumber yang menjadi agen pemerolehan kata dan bahasa. Imitasi bukan perkara negatif sebaliknya ia memandu penutur untuk bertutur mengikut aturan masyarakat setempat. Tiada bahasa tanpa masyarakat begitu juga sebaliknya.

Sumber kedua yang mampu membangun leksikon penutur adalah aktiviti pembacaan. Pembacaan merupakan sumber pembelajaran manusia sejak sekian lama serta akan terus menjadi khazanah ilmu dan pengetahuan. Pembangunan perbendaharaan kata berlaku menerusi pembacaan secara mendalam dan pengalaman langsung. Pembacaan secara mendalam merupakan sumber asas bagi pembangunan perbendaharaan kata dan perluasannya. Dengan pembacaan mendalam penutur mampu berinteraksi dengan perkataan-perkataan yang sukar berdasarkan konteks. Perkataan ini perlu dicatat dan diberi tumpuan secara eksplisit agar ia terus kekal dalam leksikon penutur. Bagi tujuan perluasan kata, pembacaan pantas tidak banyak membantu. Pengalaman penutur secara langsung dengan aktiviti bahasa merupakan peluang yang sangat besar untuk memperluas keupayaan dan kecekepan berbahasa.

Pengalaman secara langsung ini dapat diperolehi menerusi beberapa aktiviti bahasa seperti sosialisasi dalam kelas, di sekolah, dengan masyarakat sekeliling dan persekitaran di mana bahasa itu dituturkan. Sumber ketiga terpenting bagi pembangunan perbendaharaan kata adalah kamus. Kamus dapat memperluas aspek semantik bagi sesuatu kata yang dipelajari khususnya yang baharu ditemui. Tumpuan penggunaan kamus adalah makna kata. Namun jika bahasa dikaitkan dengan fenomena kemanusiaan, kamus dianggap sebagai sumber kata yang agak statik. Maklumat yang dipersembahkan kamus terikat dengan masa ia dibukukan mahupun sebelumnya. Walaupun kamus merupakan sumber pasif, ia tetap menjadi jambatan penting yang menghubungkan makna asal perkataan dengan perkembangan semantik semasa.

Dalam bab kedua, penulis mengkhususkan perbincangannya kepada aspek fonologi. Fonologi merupakan bahan mentah yang terkandung dalam bahasa manusia. Ia perlu diproses menjadi hasilan yang bermakna dalam interaksi manusia. Bahasa tidak dianggap sebagai bahasa tanpa bunyi. Bahasa juga bukan sekadar bunyi, malah ia adalah kombinasi bunyi dan makna. Justeru, antara tajuk penting yang dibincangkan penulis dalam bab ini adalah definisi fonologi, matlamat pengajarannya, hubungannya dengan penulisan, pendekatan pengajarannya serta aktiviti yang membantu proses pengajarannya.

Bahasa adalah bunyi. Bunyi dilihat dari tiga aspek iaitu bunyi secara fizik, bunyi bukan bahasa dan bunyi bahasa atau dikenali sebagai suara. Bunyi jika dilihat dari aspek fizik merujuk kepada keupayaannya untuk direkod oleh alat perakam tanpa sebarang maksud tersurat. Bunyi bukan bahasa pula adalah bunyi yang bukan kategori bahasa namun membawa maksud tertentu. Manakala bunyi bahasa pula adalah bunyi yang mempunyai rumus dan isyarat-isyarat bahasa tertentu yang mampu diterjemahkan dalam bentuk tulisan atau dinamakan sebagai suara. Pernyataan ini membawa perbincangan kepada penekanan terhadap dua disiplin ilmu yang penting iaitu ilmu fonetik dan ilmu fonologi. Ilmu fonetik memfokus penumpuan kepada

kriteria-kriteria fizik tentang sesuatu bunyi manakala ilmu fonologi menumpukan perbincangannya kepada elemen makna dan semantik yang dibawa oleh sesuatu bunyi beserta maksud yang dikehendaki. Kedua-dua ilmu ini melengkapinya antara satu sama lain bagi membentuk satu sistem kata yang holistik.

Justeru, matlamat pengajaran ilmu fonologi harus membekalkan pelajar dan penutur hubungan sistematik yang wujud antara bahasa pertuturan dan bahasa penulisan. Hubungan ini dimaksudkan oleh penulis sebagai proses nyah-kod (*fakk al-Tasyfir*) yang membantu pelajar untuk menterjemah rumus-rumus bunyi yang didengar kepada hasil dalam bentuk penulisan. Hubungan antara bunyi dan penulisan sangat kompleks. Wujud perbezaan yang nyata antara kedua-duanya. Kedua-duanya tidak bercampur namun dilihat melengkapinya antara satu sama lain. Penghasilan penulisan bukan terjemahan daripada bahasa pertuturan, malah ia adalah penghasilan karya. Penghasilan karya yang baik perlu berpandukan kepada bagaimana orang lain menghasilkan karya. Faktor-faktor ini mempengaruhi pendekatan yang perlu digunakan dalam pengajaran fonologi. Pendekatan yang dicadangkan penulis tertumpu kepada tiga instruksi iaitu Pendekatan Terus Bersistematik (*Direct Sytematic Instruction-DSI*), Pendekatan Berintegrasikan (*Intergrated Instruction*) dan Pendekatan Terkandung (*Embedded Phonics*).

Perbincangan bab ketiga pula ditumpukan kepada kepekaan fonologi dan prosedur pengajarannya. Bab ini merupakan intipati perbincangan karya ini. Guru, pelajar mahupun penutur bahasa perlu memahami dengan jelas matlamat memahami ilmu fonologi secara mendalam. Bab ini membicarakan secara khusus definisi kepekaan fonologi, kepentingan, proses, peranan, tingkatan, serta pembangunan kemahiran berkaitan kepekaan fonologi. Kepekaan ilmu fonologi merujuk kepada pengetahuan dan keupayaan pelajar atau penutur dalam penghasilan kata. Ia berkait rapat dengan keupayaan mereka menghasilkan kata, membina frasa, ungkapan dan ayat. Ia juga merujuk kepada keupayaan penutur mengenalpasti perbezaan dan persamaan yang wujud bagi satu-satu perkataan dalam konteks yang berbeza. Keupayaan ini secara keseluruhan sangat berkait rapat dengan kepekaan seseorang terhadap bunyi dan suara. Kepekaan fonologi ini terdiri daripada tiga perkara asas iaitu kepekaan suku kata, kepekaan fonim dan kepekaan baris.

Kepekaan suku kata bermaksud kepekaan tentang suku kata yang terkandung dalam sesuatu perkataan. Sebagai contoh perkataan **ملعب** dalam Bahasa Arab terdiri daripada dua suku kata iaitu **مل** dan **عب**. Manakala perkataan **عصفورة** terdiri daripada tiga suku kata iaitu **عص**, **فو** dan **رة**. Kegagalan menguasai asas ini memberikan kesan negatif dalam pemahaman makna kata. Kepekaan asas kedua adalah kepekaan fonim. Fonim adalah unit kecil dalam ilmu fonologi. Sebagai contoh, perkataan **ملعب** dalam bahasa Arab memiliki empat fonim iaitu **م**, **ل**, **ع** dan **ب**. Sekiranya huruf atau fonim **م** ditukar kepada huruf **ت** makna kata yang dibawa akan turut berubah. Kepekaan asas ketiga yang dibincangkan adalah kepekaan tentang baris. Ia juga merujuk kepada pengetahuan mendalam tentang suku kata terbuka mahupun tertutup. Sebagai contoh perkataan **أبناء** terdiri daripada satu suku kata tertutup **أب** dan satu suku kata terbuka

iaitu ناء. Perkara-perkara ini menjelaskan bahawa bunyi panjang dan pendek dalam bahasa Arab mempengaruhi makna kata.

Kepekaan fonologi secara umumnya mempunyai banyak kepentingan. Antara kepentingan yang dapat dilihat adalah membantu pelajar dan penutur membangunkan kemahiran mengenal kata dan proses menganalisis kata (*decoding*). Keupayaan penutur membezakan bunyi memberi kesan mendalam ke atas kenahiran membaca, menulis dan peningkatan tahap kecekapan berbahasa secara keseluruhannya. Ketidak upayaan penutur menguasai kemahiran ini menjadikan mereka tidak mampu menyebut dan membaca dengan baik. Golongan ini berhadapan dengan masalah yang dikenali sebagai ketidak upayaan membaca (*reading disability*) dan ketidak upayaan menulis (*writing disability*). Kemahiran ini merupakan titik penghubung antara bahasa lisan dan penulisan. Kemahiran menganalisis bunyi ini (kepekaan fonologi) juga merupakan penanda aras penting dalam menentukan penguasaan penutur pada masa hadapan. Seperti yang telah dijelaskan, kepekaan fonologi menghubungkan dua kemahiran aktif utama iaitu kemahiran bertutur dan menulis. Kedua-dua kemahiran ini berhubung dengan konsep makna. Konsep makna pula berhubung secara langsung dengan konteks. Ini merupakan proses yang perlu dilalui oleh pelajar dan penutur dalam usaha membentuk kepekaannya terhadap aspek fonologi.

Perbincangan dalam bab keempat diteruskan dengan pengenalan kata dan prosedur pengajarannya. Penulis membawa pembaca menelusuri definisi pengenalan kata, kemahiran lampau yang diperlukan untuk mengenal kata, proses-proses mengenal kata, komponen dan kemahiran mengenal kata serta prosedur penting dalam proses pembinaan kata. Kemahiran mengenal kata merupakan elemen penting bagi melahirkan pembaca yang baik. Pelajar yang mempunyai kematangan dalam pembacaan bakal memiliki kebebasan untuk membaca dan ini akan menambahkan keupayaannya menambah kata dan penguasaan bahasa secara keseluruhannya. Sebaliknya, pelajar yang tidak mampu mengenal kata berhadapan dengan kesukaran menganalisis bunyi, mengenal simbol dan menentukan makna samada secara tunggal mahupun berdasarkan konteks.

Kemahiran mengenal kata didefinisikan sebagai kemahiran mengenal kata dan menentukan maknanya secara holistik. Ia meliputi keupayaan pelajar mengaktifkan kata di mindanya, menghubungkannya dengan konteks, menentukan ketepatan ejaan, menghubungkan sistem bunyi dengan simbol tulisan, menganalisis kata. Kemahiran mengenal kata adalah proses mental. Ia melibatkan beberapa proses yang penting termasuk kemahiran mengenal kata dasar, imbuhan dan akhiran kata. Antara ciri penguasaan kemahiran mengenal kata adalah kecepatan. Mengenal kata bermaksud mampu mendatangkan makna sesuatu kata dengan cepat selain mampu menganalisis kata tersebut dari pelbagai aspek termasuk bunyi, ejaan dan morfologi serta menghubungkannya dengan konteks (halaman 201).

Dalam konteks perbincangan ini, kemahiran mengenal kata melibatkan proses fisiologi, proses mental, proses analisis dan proses kombinasi. Proses fisiologi merupakan ciri penting kemahiran mengenal kata. Proses ini melibatkan deria pendengaran dan deria penglihatan secara khusus. Deria pendengaran yang baik membolehkan pelajar menerima rangsangan bunyi dalam bentuk gelombang. Gelombang ini kemudiannya dihantar ke otak manusia seterusnya diterjemahkan dalam bentuk bunyi yang bermakna. Proses ini berkait rapat dengan bahasa lisan. Manakala deria

penglihatan pula diibaratkan sebagai kamera yang menetik setiap imej yang dilihat. Imej yang diperolehi dirakam dan dipanggil semula bila diperlukan. Setiap huruf dan baris disimpan dengan tepat bagi kegunaan akan datang. Tempoh panggilan perkataan yang disimpan ini dianggarkan sekitar suku saat hingga sesaat setengah pada banyak keadaan. Mengenal kata bukan proses fisiologi semata-mata. Ia juga proses mental yang melibatkan penyusunan kata dalam ayat mengikut makna yang dikehendaki. Proses ini turut melibatkan proses memanggil semula perkataan yang diperlukan seterusnya menghubungkannya dengan perkataan-perkataan lain.

Proses berikutnya adalah proses analisis. Ia merupakan proses lanjutan yang membolehkan pelajar menganalisis setiap inci perubahan yang berlaku pada perkataan samada dari sudut bentuk mahupun baris dan pengimejan perkataan sedia ada berdasarkan kesesuaian konteks. Perubahan dari sudut bentuk biasanya melibatkan elemen sarf atau morfologi. Ia juga berkait dengan acuan sesuatu kata yang dijadikan sandaran dalam menentukan maknanya. Perubahan dari sudut baris juga adalah sangat penting. Baris adalah ciri-ciri keistimewaan bahasa Arab yang tiada dalam bahasa-bahasa lain di dunia. Tahap kecekapan bahasa Arab dapat ditentukan dengan pembacaan tanpa baris. Namun bagi peringkat permulaan, kemahiran ini perlu dimantapkan untuk penguasaan akan datang. Pengimejan juga merupakan kemahiran yang menghubungkan visual dengan sesuatu makna. Perkataan pisau akan dipanggil dengan adanya imej tersebut. Proses ini memerlukan pengetahuan masa lampau bagi mempercepatkan proses panggilan perkataan.

Proses terakhir adalah proses kombinasi. Proses ini berkait rapat dengan kemahiran menghubungkan bunyi bagi membentuk perkataan atau menghubungkan perkataan bagi membentuk ayat. Kemahiran ini membantu membangunkan keupayaan membaca dan menulis pelajar bagi tujuan penguasaan bahasa. Perkataan adalah unit leksikal kecil yang sarat dengan maklumat. Maklumat yang dibawa oleh satu-satu perkataan datang dalam bentuk maklumat sintaksis (*syntactic knowledge*), maklumat semantic (*semantic knowledge*) dan maklumat pragmatic (*pragmatic knowledge*). Maklumat-maklumat ini diperolehi menerusi kemahiran dan pengetahuan masa lampau pelajar.

Bab terakhir buku ini menghuraikan matlamat yang disasarkan dalam penulisannya. Bab ini memberikan tumpuan perbincangan kepada dua aspek penting dalam pembangunan perbendaharaan kata pelajar iaitu tingkatan penguasaan perbendaharaan kata dan strategi pembangunan leksikon (halaman 275). Pembelajaran dan pengajaran kata merupakan proses yang sangat kompleks. Ia berkait rapat dengan masa, peringkat pembelajaran, kurikulum silibus dan kandungan sesuatu kursus. Ia juga berkait soal kuantiti dan kualiti. Justeru, penguasaan kata dalam minda pelajar atau penutur dikategorikan kepada dua bentuk kata iaitu kata aktif (*active vocabulary*) dan kata pasif (*passive vocabulary*).

Pengajaran dan pembelajaran perbendaharaan kata pada umumnya nampak mudah, namun ia tidak semudah yang disangkakan. Kajian dan penyelidikan yang dijalankan sering berhadapan dengan beberapa kesukaran mengajar aspek ini. Antara kesukaran yang timbul adalah i. bagaimanakah perbendaharaan kata perlu diajar, ii. berapa jumlah kata yang perlu diajar, iii. adakah perlu diajar secara eksplisit atau implisit, iv. adakah terdapat keperluan menggunakan senarai kata berfrekuensi dan beberapa kesukaran lain. Persoalan-persoalan ini dijawab dengan

baik oleh penulis. Pengajaran kata secara umumnya perlu menyeluruh. Pengajaran kata perlu berkait dengan pengajaran makna perkataan secara tunggal, makna berasas konteks, awalan dan akhiran kata, semantik, perkataan berkekerapan tinggi dan beberapa aspek lain. Pembacaan secara berterusan dan komunikasi dua hala juga dilihat mampu membangun leksikon pelajar.

Penulis mengkategorikan tingkatan perkataan kepada tiga tahap iaitu perkataan yang jarang ditemui, perkataan yang sering ditemui dan perkataan pinjaman. Ketiga-tiga tahap perkataan ini memerlukan pendekatan pengajaran yang berbeza antara satu sama lain. Proses pengajaran ketiga-tiga tahap kata ini perlu disandarkan kepada kepada tiga piawaian asas iaitu kepentingan, kekerapan dan persamaan. Perkataan yang diajar kepada pelajar perlu terdiri daripada perkataan yang penting. Penting dalam konteks ini bermaksud perkataan yang diajar perlu mempunyai nilai dan penggunaan yang tinggi. Sebagai contoh, antara perkataan *مكتب* dan *منضدة*, perkataan *مكتب* wajar dibekalkan kepada pelajar terlebih dahulu khususnya diperingkat awal kerana perkataan ini mempunyai kepentingan dan berkait dengan banyak perkataan lain.

Kekerapan pula merujuk kepada frekuensi sesuatu perkataan itu muncul dalam pelbagai teks. Kekerapan atau frekuensi kemunculan sesuatu kata biasa dikenalpasti menggunakan korpus. Perkataan yang sering muncul dalam pelbagai teks ini dianggap sebagai perkataan berfrekuensi tinggi. Penguasaan kata jenis ini membantu pelajar untuk memahami sekurang-kurangnya 80% daripada teks yang dibaca. Persamaan pula bermaksud perkataan yang boleh dimanfaatkan dalam pelbagai konteks. Sebagai contoh, *مخرج* merupakan perkataan yang wajar didedahkan kepada pelajar kerana ia mempunyai makna yang pelbagai seperti makhraj huruf, tempat keluar dan sebagainya.

Bagi membangun dan memperluas perbendaharaan kata pelajar, beberapa strategi yang efektif perlu didedahkan kepada pelajar. Pembelajaran kata perlu dilakukan secara berterusan tanpa mengira peringkat pembelajaran Bahasa. Justeru, bagi memjayakan pembangunan ini beberapa strategi diperlukan. Penulis mengkategorikan strategi pembelajaran kata kepada dua pendekatan, iaitu pendekatan eksplisit dan pendekatan implisit. Pendekatan secara eksplisit merupakan pendekatan utama yang perlu didedahkan kepada pelajar. Pendekatan ini menekankan pembelajaran kata secara terus dan bermatlamat. Pelajar perlu didedahkan dengan sejumlah kata yang sememangnya bakal ditemui dalam semua situasi bahasa. Perkataan-perkataan ini perlu dihafaz dan diingat oleh pelajar seterusnya menggunakannya dalam interaksi dan komunikasi.

Penulis juga mencadangkan agar pembelajaran kata diajar sebagai satu matapelajaran khusus sama seperti komponen-komponen bahasa yang lain seperti nahu, saraf, balaghah dan sebagainya. Pembelajaran berfokus ini mampu meletakkan kepentingan dan perhatian kepada aspek kata yang menjadi aspek penting dalam pembelajaran bahasa. Pendekatan kedua adalah pendekatan implisit atau pendekatan tersirat. Pendekatan ini menekankan pembelajaran kata merentas pembelajaran cabang-cabang ilmu bahasa yang lain. Situasi ini menunjukkan bahawa pembelajaran kata perlu terus berlaku dan perlu sentiasa dibangunkan dari semasa ke semasa hatta di peringkat tertinggi pembelajaran bahasa.

Kedua-dua pendekatan ini sangat penting dalam pembelajaran dan penguasaan kata. Pendekatan eksplisit penting bagi pembangunan kata dan pendekatan implisit penting bagi perluasan makna dan penggunaan kata. Kedua-dua pendekatan ini boleh diterapkan dalam strategi-strategi pembelajaran kata. Justeru, penulis menghuraikan sepuluh strategi penting yang boleh dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran kata iaitu: Strategi Putaran Konsep (*Concept Circles*), Strategi Tangga Konsep (*Concept Ladder*), Strategi Konsep & Kosa Kata: Kaegori & Label (*Concepts & Vocabulary: Categories & Labels*), Strategi Ejaan Sintaksis (*Dictogloss/Glossary*), Strategi Model Frayer (*Frayer Model*), Strategi Definisi Semula berasa Konteks (*Contextual Redefinition*), Strategi LEAD (*LEAD Strategy*), Strategi Interaksi Berterusan (*Frequent Contact*), Strategi Permainan Kamus (*Dictionary Game*) dan Strategi Ulangkaji, Andaian & Kepastian (*Preview, Predict & Comfirm*).

Kesemua strategi ini dibincangkan secara terperinci oleh penulis. Penulis menghurai konsep dan kesesuaian penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran kata khususnya melibatkan pembelajaran kata Arab. Setiap strategi juga dibincangkan secara jelas beserta contoh yang sangat membantu pembaca untuk mendalami proses penerapan dan pengaplikasiannya. Secara umumnya, metodologi yang digunakan oleh penulis dalam karya ini sangat jelas dan bersifat holistik. Pendekatan deduktif digunakan dalam menyepadu perbincangan. Hujahan dan sandaran yang digunakan adalah berpandukan karya cendekiawan tersohor dari dunia Arab dan barat. Buku ini mempunyai kekuatan pada isu yang ingin diketengahkan. Penulis membicarakan secara khusus strategi membangunkan kata dalam kalangan pelajar. Penulis juga cuba menjelaskan kedudukan perbendaharaan kata dalam pembelajaran bahasa.

Isu yang ingin diketengahkan oleh penulis adalah isu kelemahan bahasa Arab dalam kalangan pelajar khususnya dalam kalangan bukan penutur jati yang kebanyakannya berpunca dari kekurangan menguasai perbendaharaan kata. Kekurangan kata dalam kalangan pelajar sedikit sebanyak telah menghadkan kaupayaan mereka dalam interaksi bahasa samada aspek pertuturan mahupun penulisan. Pengajaran dan pembelajaran perkataan tidak diberikan hak dalam konteks pembelajaran bahasa. Pengajaran dan pembelajaran kata berhadapan dengan isu pengabaian. Pembelajaran kata tidak dipersembahkan secara eksplisit, tiada sasaran penguasaan yang jelas, tidak diberi penekanan dalam pengujian dan pentaksiran seterusnya menyebabkan aspek ini tidak mendapat perhatian khusus samada bagi pendidik mahupun pelajar. Justeru, melalui karya ini, penulis berusaha mencadangkan agar diwujudkan matapelajaran khusus perbendaharaan kata bagi meningkatkan tahap penekanan dan tumpuan kepada aspek ini.

Inilah kekuatan yang ditonjolkan oleh penulis dalam karya beliau. Penulis mempunyai matlamat yang jelas dalam merubah persepsi masyarakat terhadap pembelajaran bahasa. Pembelajaran bahasa bererti penguasaan kata. Ia adalah komponen asas bahasa. Seseorang pelancong yang ingin memulakan pengembaraan di negara asing akan mencari kamus, atau buku-buku perbualan asas yang memiliki sejumlah perkataan asas dan bukannya buku sintaksis. Situasi ini menggambarkan betapa pentingnya kata dalam proses pembelajaran bahasa khususnya di peringkat awal pembelajaran.

Karya ini merupakan bahan bacaan akademik yang sesuai untuk guru dan penuntut bahasa Arab khususnya di peringkat pra-universiti /universiti. Kandungannya dilihat sarat dengan teori dan aplikasi bagi tujuan pembangunan kosa kata pelajar. Setiap strategi yang dicadangkan dihurai satu persatu secara terperinci beserta contoh pengaplikasiannya. Karya ini sangat bermanfaat untuk guru dan pelajar khususnya dalam usaha mengubah persepsi mereka terhadap pembelajaran kata yang sering dianggap mudah dan membosankan. Sebaliknya pembelajaran kata sangat menyeronokkan lebih-lebih lagi apabila ia dipersembahkan dengan strategi-strategi yang berkesan dan menarik. Justeru, karya ini dicadang untuk bacaan setiap guru dan pelajar khususnya bagi pelajar bukan dari penutur jati sebagai satu usaha membangun dan memperluas perbendaharaan kata mereka secara berterusan merentas peringkat pembelajaran.

Abdul Razif Zaini

Pusat Pendidikan ISESCO di Malaysia

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.